

08 AUG 1996

DR MAHATHIR HADIRI JAMUAN NEGERI DI KUCHING

KUCHING, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang sedang dalam lawatan tiga hari ke Sarawak diraikan pada majlis makan malam negeri di Dewan Bangkuasi kompleks Dewan Undangan Negeri di sini malam ini.

Ketibaan mereka di majlis itu disambut oleh Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Hajah Laila Taib.

Yang turut hadir ialah kedua-dua Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Wong Soon Kai dan Tan Sri Alfred Jabu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, Menteri Pertanian, Datuk Dr Sulaiman Daud, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha serta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Haji Sukam selain tokoh-tokoh tempatan.

Dr Mahathir yang tiba semalam dijadual berlepas pulang p[agi esok.

--BERNAMA

OPP MAI